



Pengerusi  
Koperasi Simpanan dan Kredit Bersatu Malaysia Berhad  
Suite 10.03, Level 10, The Gardens South Tower  
Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra,  
59200 KUALA LUMPUR

Y. Bhg. Dato',

## PERMOHONAN KELONGGARAN SYARAT KELULUSAN BAGI PELAKSANAAN SKIM 'MAMA SAVINGS AND PAPA FINANCING' OLEH KOPERASI SIMPANAN DAN KREDIT BERSATU MALAYSIA BERHAD

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa permohonan Koperasi Simpanan dan Kredit Bersatu Malaysia Berhad (dahulunya dikenali sebagai Koperasi Hidayah Malaysia Berhad) bagi mendapatkan kelonggaran syarat atas kelulusan prospektus skim 'Mama Savings and Papa Financing' telah **DILULUSKAN** oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

3. Walau bagaimanapun, kelulusan yang diberikan kepada koperasi tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 3.1 Individu yang ingin menyertai skim Mama Savings dan Papa Financing ini hendaklah menjadi anggota koperasi sekurang-kurangnya selama 3 bulan, termasuk anggota yang sedia ada;
- 3.2 Suruhanjaya tidak membenarkan pemberian '*Up Front Proposed Profit Return*' di dalam Skim Mama Savings kecuali pihak koperasi dapat memberi pengesahan secara bertulis oleh mana-mana panel Syariah bahawa konsep pemberian keuntungan secara berkenaan dibenarkan di bawah Syariah;
- 3.3 Kelulusan bagi saiz dana Skim Mama Savings adalah sebanyak RM30.0 juta iaitu RM5 juta dari tranches 1 dan tranches 2 dan sebahagian daripada

Tranches 3 dan Tranches 4 yang berjumlah RM25 juta. Pihak koperasi hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

- 3.3.1 Pihak koperasi hendaklah sentiasa memastikan tahap nisbah kecukupan modal dikekalkan pada tahap minimum sebanyak 10%; dan
- 3.3.2 Nisbah Mudah Tunai (Liquidity Ratio) atau kadar kecairan koperasi dikekalkan pada tahap minimum sebanyak 10%.

Pihak koperasi perlu mendapatkan kelulusan Suruhanjaya untuk melaksanakan tranches seterusnya.


- 3.4 Pihak koperasi hendaklah memastikan wujudnya suatu pelan kesinambungan perniagaan (*Business Continuity Plan*) dan keperluan keselamatan (*security requirements*) yang mencukupi serta berkesan bagi apa-apa sistem yang digunakan oleh koperasi untuk pelaksanaan kedua-dua skim berkenaan.

Syarat-syarat lain adalah masih sama sepertimana surat kelulusan Ruj. Surat:SKM.IP.(UU) 1981/1A (7) bertarikh 27 Jun 2012

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**

Saya yang menurut perintah,



**(HAJI ABAS BIN ABU BAKAR)**  
Pengarah (Statutori dan Pendaftaran)  
b.p. Pengerusi Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

- s.k. i. Pengerusi Eksekutif
- ii. Ketua Sektor (Operasi dan Kawal Selia)
- iii. Pengarah Bahagian Penyeliaan On-Site
- iv. Pengarah Bahagian Audit Koperasi
- v. Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Cawangan Wilayah Persekutuan

} **mohon tuan membuat pemantauan berhubung perkara berkaitan**